

20/10/2003

Kapal kargo bawa kuda PM tiba

JOHOR BAHRU: Kapal kargo MV Friesian Express yang membawa 1,420 lembu baka dan 33 kuda dari Argentina, termasuk kuda milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) tiba di Pelabuhan Johor petang semalam.

Kapal yang turut membawa kuda milik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba kira-kira jam 3 petang.

Pengerusi Eksekutif Halim Mazmin Berhad, Tan Sri Halim Mohamad, berkata syarikatnya menyewa kapal yang memulakan perjalanan dari Buenos Aires pada 24 September lalu.

Katanya, kapal itu melalui Tanjung Harapan, Afrika Selatan sebelum memasuki Selat Melaka selepas 25 hari pelayaran.

Halim Mazmin Bhd adalah syarikat perkapalan tempatan pertama menyediakan perkhidmatan penghantaran haiwan ternakan dari negara Amerika Selatan itu.

"Kapal berkenaan belayar secara berterusan tanpa henti untuk membawa haiwan ternakan oleh sebuah syarikat pengimport ke negara ini.

"Semua haiwan dilaporkan sihat dan yang menarik ialah seekor kuda selamat melahirkan anak ketika dalam pelayaran.

"Keupayaan syarikat kita menyediakan perkhidmatan mengangkut haiwan ternakan dari negara berkenaan bakal membuka peluang perdagangan dua hala antara pengimport tempatan dengan pengusaha ternakan lembu dan kuda di Argentina," katanya pada sidang akhbar, di Pasir Gudang semalam.

Halim berkata, penghantaran haiwan menerusi kapal kargo itu membabitkan 15 anak kapal, dua pegawai PDRM serta dua doktor haiwan dari Argentina.